

## KHUTBAH JUMAAT

### “MEMBINA KELUARGA YANG DIREDAI ALLAH” (06 Oktober 2023M/ 20 Rabiulawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk "**Membina Keluarga Yang Diredai Allah**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya banyak kelebihan yang dijanjikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* terhadap ahli keluarga yang soleh dan bertakwa. Anak-anak yang soleh akan memberi manfaat kepada ibu bapanya di dunia dan di akhirat. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu*:

(( إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ ))

**Maksudnya:** Apabila mati seorang insan terputuslah amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.

(Hadis riwayat Imam an-Nasa'ie)

Selain itu, Allah *subhanahu wata'ala* menjanjikan setiap ahli keluarga yang beriman di dunia dan beramal soleh akan berhimpun semula pada hari akhirat nanti. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Tur, ayat 21:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ ۚ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ

**Maksudnya:** Dan orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari

*pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.*

Alangkah beruntungnya orang yang bersungguh-sungguh mendidik ahli keluarga mereka untuk mentaati Allah *subhanahu wata'ala*. Penat-lelah mereka akan dibalas oleh Allah *subhanahu wata'ala* nanti di akhirat dengan balasan yang terbaik.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Beberapa panduan untuk membentuk sebuah keluarga yang diredai Allah *subhanahu wata'ala*, antaranya ialah:

**Pertama:** Mewujudkan keluarga yang menekankan pendidikan fardu ain dalam akidah, syariah dan akhlak. Pengukuhan terhadap asas-asas Islam seperti kefahaman terhadap rukun iman, rukun Islam, dosa, pahala, syurga dan neraka dan lain-lain akan mendorong anak-anak menjadi insan yang bertakwa. Ini sebagaimana disebut dalam kisah Luqman al-Hakim ketika mendidik anaknya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Luqman, ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۖ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*

**Kedua:** Ibu bapa perlu memastikan ahli keluarganya mentaati segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya dan tinggalkan segala larangan Allah dan Rasul-Nya. Ibu bapa juga perlu memastikan ahli keluarga melaksanakan solat lima waktu secara berjemaah, menutup aurat, memakan makanan yang halal dan tidak mencuri hak atau barang orang lain.

Hadis daripada Amru bin Syaib daripada datuknya, beliau berkata, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ ... ))

**Maksudnya:** *Perintahkanlah anak-anak kamu untuk melaksanakan solat apabila sudah mencapai umur tujuh tahun ...*

*(Hadis riwayat Imam Abu Daud)*

**Ketiga:** Jangan lupa untuk membudayakan amalan berdoa dan memohon kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar dikurniakan keluarga yang bahagia. Diharapkan dengan doa yang dipanjatkan, Allah *subhanahu wata'ala* akan mengurniakan ketenangan dan kebahagiaan terhadap keluarga kita semua. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Furqan, ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

**Maksudnya:** *Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang*

*menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertakwa.”*

**Keempat:** Memastikan ahli keluarga berakhlak dengan akhlak yang mulia terhadap sesama ahli keluarga, jiran dan ahli masyarakat. Hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

(( مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي جَارَهُ ... ))

**Maksudnya:** *Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti jirannya.*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Oleh itu, marilah kita memastikan keluarga kita keluarga yang diredai oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

**Pertama** : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab mendidik anak sehingga mereka melanggar perintah Allah *subhanahu wata'ala* akan dipersoalkan di akhirat kelak.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah memperbanyakkan amal soleh,

menjaga hubungan yang baik dengan jiran tetangga dan berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* atas kesihatannya dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah memimpin ahli keluarga ke jalan yang diredai Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhkan mereka daripada jalan yang dimurkai-Nya.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ  
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْنَ،  
اٰمِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.



عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.